



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

6 JULAI 2021

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan akan mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 88,183 pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 20,751 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 2,798 kilang, 17,349 premis perniagaan, 727 tapak pembinaan dan 211 asrama penempatan pekerja.

Daripada jumlah itu, 27 premis meliputi kilang, premis perniagaan, tapak pembinaan dan asrama penempatan pekerja diarahkan tutup kerana didapati melanggar arahan kerajaan dan SOP yang telah ditetapkan.

PKPD Dua (2) Perkampungan Orang Asli di Rompin, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 di dua (2) perkampungan orang asli di Rompin, Pahang, melibatkan:

- Kampung Kerpal
- Kampung Pinang

Sehingga kini, KKM melaporkan dalam tempoh seminggu sebanyak enam (6) kes positif telah direkodkan hasil dari 120 ujian saringan yang dilakukan di kedua-dua lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kedua-dua lokaliti tersebut berkuatkuasa 8 Julai sehingga 21 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan pengesanan awal kes serta memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti kekal berada di dalam kawasan PKPD bagi mengelakkan penularan jangkitan keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Sri Menanti, Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari juga ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Sri Menanti, Tawau, Sabah.

Sehingga kini, KKM melaporkan terdapat peningkatan kes yang ketara di lokaliti ini di mana 15 kes positif telah direkodkan hasil dari 36 ujian saringan yang dilakukan dengan kadar positifiti 41.67%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sri Menanti, Tawau, Sabah berkuatkuasa 8 Julai sehingga 21 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti kekal berada di dalam kawasan PKPD bagi mengelakkan penularan jangkitan keluar dari lokaliti tersebut sekaligus memudahkan KKM melaksanakan pengesanan awal kes.

Perluasan Lokaliti PKPD Perkampungan Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Perkampungan Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah yang terdiri daripada gugusan beberapa buah kampung iaitu:

- Kampung Kasuapan
- Kampung Lok Urai
- Kampung Pulau Gaya
- Kampung Pondo

Sehingga kini, KKM melaporkan terdapat peningkatan kes yang ketara di perkampungan ini di mana 215 kes positif telah direkodkan hasil dari 1,339 ujian saringan yang dilakukan dengan 25 sampel saringan masih menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perkampungan Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah berkuatkuasa 8 Julai sehingga 21 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan keluar dan masuk ke lokaliti ini sekaligus mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Mambong, Kuching, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari juga ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Mambong, Kuching, Sarawak.

Sehingga kini, KKM melaporkan terdapat peningkatan kes yang ketara di lokaliti ini di mana 19 kes positif telah direkodkan hasil dari 36 ujian saringan yang dilakukan dengan kadar positifiti 53%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Mambong, Kuching, Sarawak berkuatkuasa 8 Julai sehingga 21 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan pengesanan awal kes dan memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti kekal berada di dalam kawasan PKPD bagi mengelakkan penularan jangkitan keluar dari lokaliti tersebut.

Penamatan Awal PKPD Kampung Kuala Merotai, Kalabakan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kuala Merotai, Kalabakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 9 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 133 ujian saringan dan 18 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala kes positif terakhir yang direkodkan adalah pada 3 Julai 2021 iaitu satu (1) kes.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Kuala Merotai, Kalabakan, Sabah pada 7 Julai 2021 (11:59 malam), lebih awal dari yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Dua (2) Lokaliti di Kunak, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kunak, Sabah yang melibatkan:

- Kampung JKR Lama
- Kampung Pangi Hujung

yang dijadualkan tamat pada 7 Julai 2021.

Setakat ini, KKM telah melakukan 101 ujian saringan di Kampung JKR Lama yang merekodkan 18 kes positif manakala 20 kes positif direkodkan hasil dari 103 ujian saringan yang dijalankan di Kampung Pangi Hujung.

KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal di kedua-dua lokaliti tersebut manakala kesemua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC dan kontak rapat diasingkan dan dipantau sehingga hari ke-14.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di lokaliti yang dinyatakan pada 7 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Kebayau, Kota Belud, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kebayau, Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 7 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 301 ujian saringan dan 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala kes positif terakhir yang direkodkan adalah pada 28 Jun 2021 iaitu satu (1) kes.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Kebayau, Kota Belud, Sabah pada 7 Julai 2021 (11:59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Likas, Kota Kinabalu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Likas, Kota Kinabalu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 7 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 3,023 ujian saringan dan 45 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala kes positif terakhir yang direkodkan adalah pada 28 Jun 2021 iaitu tujuh (7) kes.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Likas, Kota Kinabalu, Sabah pada 7 Julai 2021 (11:59 malam), seperti yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 88,183 pemeriksaan semalam.

Operasi Pematuhan ini melibatkan 4,654 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,751 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 548 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 539 individu dikompaun manakala sembilan (9) lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (91)
- Tiada penjarakan fizikal (81)
- Tidak memakai pelitup muka (79)
- Tidak mematuhi arahan kawalan pergerakan (54)
- Membawa penumpang berlebihan (48)
- Lain-lain kesalahan (195)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap lima (5) orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta merampas empat (4) buah kenderaan darat.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 1,000 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

| | |
|--------------------|-----------|
| Op PENAWAR/SJR PKP | - 946 SJR |
| Op BENTENG PDRM | - 45 SJR |
| Op BENTENG AKSEM | - 9 SJR |

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 181 operasi disinfeksi dilakukan meliputi 69 zon merah, satu (1) zon jingga dan 13 zon kuning di seluruh negara.

Operasi disinfeksi ini melibatkan 1,141 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 226 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 205 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 30,701 operasi disinfeksi yang merangkumi 157 zon telah dilakukan. Operasi ini melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 506 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 242,685 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 75 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,202 individu telah dikuarantin dan 230,510 orang dibenarkan pulang manakala 2,973 lagi dibawa ke hospital.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 38 warga asing telah menjalani ujian saringan dan daripada jumlah itu, empat (4) orang didapati positif COVID-19.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 700,344 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,395 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,383 orang telah disahkan positif COVID-19. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 758 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peringkat peruncit (570), pemborong (156) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,017 Pemeriksaan Khas Pematuhan SOP sepanjang PKP dan daripada jumlah itu, 2,005 premis mematuhi SOP yang ditetapkan manakala 12 premis dikompaun kerana tidak patuh SOP.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.

Terima kasih.

**YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**